

SJK(C) YAK CHEE
PENILAIAN KALI KEDUA 2016
BAHASA MELAYU PENULISAN
TAHUN 5
MASA : 1 JAM 15 MINIT

Nama : _____ ()

Markah : _____ %

Kelas : 5 ()

Tarikh : _____

Arahan Am: Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian. **Bahagian C**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1** atau **Soalan 2**

Bahagian A

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan: 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan perbuatan yang membahayakan ketika bermain di taman permainan.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang perbuatan yang membahayakan ketika bermain.



Bahagian B


[15 markah]

[Masa yang dicadangkan: 25 minit]

Gambar di bawah menunjukkan poster Kempen Cintai Negara Kita di sebuah sekolah.

Tulis ulasan tentang cara-cara mencintai negara kita dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendakkan antara 50 hingga 80 patah perkataan.



Sebagai rakyat Malaysia, kita hendaklah :

- » Menjaga nama baik negara
- » Menabur jasa kepada negara
- » Bersatu padu dengan semua bangsa
- » Menghargai pengorbanan pemimpin negara

Bahagian C

[25 markah]

[Masa yang dicadangkan: 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara **80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

Kamu tidak dapat hadir ke sekolah selama beberapa hari.

Tulis sepucuk surat kepada guru kelas kamu untuk memaklumkan hal ini selengkapnya.

ATAU

Soalan 2

Jasa Bonda

Pada saat aku lena, dia berjaga
Pada saat aku bersenang lenang, dia bekerja
Kasih untukku tidak terbatas
Memberi tidak minta dibalas
Ingin dibinanya untukku
Kehidupan yang sempurna
Punya kekuatan jiwa
Punya maruah
Leterannya lahir daripada hati nan luhur
Menegur sebelum terlanjur
Itulah yang diwarisi
Pesan ibu terpahat dihati

Sajak di atas menggambarkan jasa seorang ibu dan ketelusan kasih sayangnya terhadap anak-anaknya.

Berdasarkan sajak tersebut, tulis karangan yang bertajuk "Orang Yang Paling Saya Sayangi"

Tulis karangan kamu itu selengkapnya.